**SKIM PERKHIDMATAN**
**PEMBANTU TAMAN/LADANG**

| | | |
|---|---|---|
| **KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** | : | **PERTANIAN** |
| **KUMPULAN PERKHIDMATAN** | : | **PELAKSANA** |
| **GRED JAWATAN/GAJI** | : | **G19, G22, G26, G28** |
| **TARIKH KUAT KUASA** | : | **1 JULAI 2016** |

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

(c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred G19: RM1,357.00); atau

(ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred G19: RM1,357.00); atau

(iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred G19: RM1,413.40); atau

(iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred G19: RM1,469.80).

**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred G19 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

**TEMPOH PERCUBAAN**

4. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**LATIHAN**

5. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN**

6. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**

7. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

8. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI**

9. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED G22**

10. Pembantu Taman/Ladang Gred G19 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Taman/Ladang Gred G22 yang kosong apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED G26**

11. Pembantu Taman/Ladang Gred G22 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Taman/Ladang Gred G26 yang kosong apabila telah:

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED G28**

12. Pembantu Taman/Ladang Gred G26 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Taman/Ladang Gred G28 yang kosong apabila telah:

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PENINGKATAN SECARA LANTIKAN KE JAWATAN PENOLONG PENGURUS TAMAN/LADANG GRED G29**

13. Pembantu Taman/Ladang yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pengurus Taman/Ladang Gred G29 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pembantu Taman/Ladang yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002) dan 2.7.2009 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2009).